

KERASULAN - PIPANGGIL. DIPILIH. DIUTUS

KERTAS RENUNGAN K.E.D. - BULAN OGOS 2014

DIPILIH UNTUK MEMULIAKAN TUHAN

FOKUS

Seseorang pengikut dipanggil dan dipilih supaya kemuliaan Tuhan dapat dilihat melalui kata-kata dan perbuatan-perbuatannya.

NYANYIAN PEMBUKAAN: * TO GOD BE THE GLORY "

*1) To God be the glory great things He has done
So loved He the world that He gave us His Son Who
yielded His life in atonement for sin And opened
the life-gate that all may go in.*

*Praise the Lord (2), let the earth hear His voice!
Praise the Lord (2), let the people rejoice! O come
to the Father through Jesus the Son And give Him
the glory great things He has done.*

*2) O perfect redemption, the purchase of blood To
every believer the promise of God The vilest
offender who truly believes That moment from
Jesus a pardon receives.*

DOA PEMBUKAAN

Galakkan seseorang untuk mengucapkan doa pembukaan.

(Sedang lilin dinyalakan, jemputlah Yesus supaya datang ke majlis perhimpunan K.E.D. kamu).

1) LIHAT KEPADA KEHIDUPAN

Tuhan memanggil dan memilih kita supaya dapat manifestikan Dirinya melalui kita. Perlakuan Tuhan ini dipandang sebagai rezeki dan juga tindakan cinta kasihNya. Setiap pengikut yang telah menjalin hubungan yang mesra dengan Tuhan berpeluang memuliakan Tuhan dengan kehidupannya yang beriman. Misalnya, Yohanes Pembaptis datang untuk menunjuk kepada jalan Yesus, Maria juga satu lagi contoh seseorang yang telah memilih untuk menunjuk kepada kesetiaan dan kemuliaan Tuhan melalui pandangannya, kata-katanya dan juga perbuatan-perbuatannya. Maria bukan sahaja pengikut Kristus yang sempurna tetapi juga seorang ibu yang cinta akan anaknya, serta hamba Tuhan yang rendah hati dan suka menurut kata-kataNya. Dari saat Pengumuman Malaikat Jibrael kepada Maria, iaitu saat bila dia menjawab "Ya", Maria membaktikan dirinya dengan sepenuh hati sebagai

seorang ibu dan pengikut Yesus. Sebagai pengikut-pengikut yang telah dipanggil dan dipilih oleh Tuhan, kita juga mendapat mandat untuk memuliakan Tuhan dalam dunia kita. Dengan tindakan-tindakan yang menunjukkan kesetiaan kepada Tuhan, seseorang pengikut boleh menjadi "Kristus Alter". Kebaikan hati dan belas kasihan antara satu sama lain adalah beberapa cara untuk memuliakan Tuhan seperti Maria. Penghormatan paling tinggi yang Gereja semua dapat berikan Kristus di ambang millennium ketiga ialah manifestikan kehadiranNya yang serba berkuasa melalui hasil-hasil yang berbentuk keimanan, harapan dan kemurahan hati.

RENUNGAN

- * "Share" petikan-petikan Alkitab lain yang mengisahkan cerita tentang orang yang dipilih dan diutus.
- * Siangan ramai *dipanggil* tetapi bilangan kecil sahaja yang dipilih. Bezanya antara yang dipanggil dan yang dipilih ialah mereka yang dipilih member! respons terhadap panggilan Tuhan. Bincangkan.

2) DENGAR FIRMAN TUHAN: **LUKAS1:46 - 55**

Lalu kata Maria: "Jiwaku memuliakan Tuhan, dan hatiku bergembira kerana Allah, Juruselamatku, sebab ia telah memperhatikan kerendahan hambaNya. Sesungguhnya, mulai dari sekarang segala keturunan akan menyebut aku berbahagia, kerana Yang Mahakuasa telah melakukan perbuatan-perbuatan besar kepadaku dan namaNya adalah kudus. Dan rahmatNya turun-temurun atas orang yang takut akan Dia. ia memperlihatkan kuasaNya dengan perbuatan tanganNya dan mencerai-beraikan orang-orang yang congkak hatinya. ia menurunkan orang-orang yang berkuasa dari takhtanya dan meninggikan orang-orang yang rendah, ia melimpahkan segala yang baik kepada orang yang lapar, dan menyuruh orang yang kaya pergi dengan tangan hampa. ia menolong Israel, hambaNya, kerana ia mengingat rahmatNya, seperti yang dijanjikanNya kepada nenek moyang kita, kepada Abraham dan keturunannya untuk selama-lamanya.

- * Petikkan kata/frasa dari teks. Bacakan kata/frasa tersebut 3 kali dengan perlahan-lahan. Bacaan setiap kata/frasa diselangi saat-saat senyap.
- * Berikan 2 minit untuk mendengar pesanan Tuhan dengan merenungkan kata/frasa tadi.
- * "Share" antara satu sama lain pesanan Tuhan terhadap anda berpandukan kata-kata/frasa-frasa yang menyentuh perasaan anda.

3) HIDUP DALAM CINTA KASIH

Amalan hidup yang menitikberatkan kesetiaan kepada Tuhan.

Tuhan memanggil kita khas untuk perlaksanakan kerjaNya. Bagaimanalah dapat kita menyedari panggilan-panggilanNya dalam kefugra, K.E.D., paroki dan komuniti, dan memberikan respons dengan penuh keyakinan!

DOA PENUTUP

Bapa di Syurga, sumber abadi segala-segala yang baik, bantulah aku supaya tetap mengabdikan diri kepadaMu. Ya Tuhan, moga-moga dengan pertolongan-Mu, aku dapat memahami Kebenaran Kristus, dan memenuhi hatiku dengan cinta-kasihNya.

Ya Tuhan, aku meminta supaya dapat berkhidmat kepada Mu dengan penuh keyakinan dan menikmati kehidupan kekal di akhir hayatku. Datam Sakramen Ekaristi, aku begitu riang kerana dapat mengongsi hidupMu.

Ya Tuhan, aku memohon supaya aku sentiasa bersamaMu. Janganlah benarkan diriku terpisah daripada Mu, dan bantulah aku supaya mampu perlakukan kehendak-Mu. Doa ini ku ucapkan atas nama Yesus, PutraMu. Amin.

NYANYIAN PENUTUP

Solemniti Hari Pengangkatan Santa Maria ke Syurga dirayakan pada 15 hb Ogos, 2014.

Marilah kita menghormati Ibu Maria dengan him berikut:-

" IMMACULATE MARY"

Immaculate Mary, thy praises we sing

Who reignest with Christ, our Redeemer and King

Ave, Ave, Ave Maria ! (2)

*In heaven the blessed thy glory proclaim
On earth we, thy children, invoke thy fair name.*